



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MALAYSIA, AN IDEAL PARTNER IN SUSTAINABLE AGRICULTURE, BORNEO POST (KK) -ONLINE MAFI BANTU PEKEBUN TEMBIKAI BACHOK, PASIR PUTEH, BH -ONLINE MAFI BANTU LEBIH 500 PENGUSAHA TEMBIKAI DITENGSELAMI AIR, SH -ONLINE MAFI BANTU 500 PENANAM TEMBIKAI DITENGSELAMI AIR, HARAKAH DAILY -ONLINE 500 PETANI TEMBIKAI TERJEJAS DIBANTU, NEGERI KELANTAN, SH -25 PEKEBUN TEMBIKAI TERJEJAS DINAIRI AIR AKAN DIBANTU, NASIONAL, BH -15 KERAJAAN BANTU PETANI TEMBIKAI RUGI SELEPAS BANJIR, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8.	PERAK SEDIA BANTU PROGRAM PEMBIAKAN SELADANG ELAK SPESIES ITU PUPUS, NASIONAL, SH -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10. 11. 12. 13.	NELAYAN TERJEJAS BOLEH TUNTUT GANTI RUGI, LOKAL, HM -5 ILLEGAL FISHING NETS ARE KILLING TURTLES, VIEWS, THE STAR -3 T'GANU FISHERIES DEPT TOLD TO STEP UP ENFORCEMENT, NEWS, NST -10 TERENGGANU SERIOUS ABOUT CURBING TURTLE DEATHS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 SELAMATKAN PENYU TERENGGANU1, RENCANA, UM -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	PROJEK IKAN TALAPIA JANA PENDAPATAN NELAYAN, NEGERI MELAKA, SH -25 PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA DIPERLUAS KE KAWASAN DUN, BH -ONLINE BUNTU TANGKAPAN KURANG, DALAM NEGERI, UM -8 SELANGOR BUKA PERMOHONAN KOMPUTER RIBA, TABLET UNTUK WARGA TANI, NEGERI SELANGOR, SH -21 UMT AJAK GRADUAN CEBURI PERTANIAN, KOMUNITI KITA, UM -33 JUALAN KELUARGA MALAYSIA DIPERLUAS KE KAWASAN DUN, NASIONAL, SH -19 HARGA TEMBIKAI 'BANJIR' JATUH 50 SEN SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



22 FEB, 2022

Malaysia, an ideal partner in sustainable agriculture

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Malaysia, an ideal partner in sustainable agriculture

DUBAI: Malaysia is an ideal partner in sustainable agriculture as the country has all the elements as well as opportunities required for sustainable agriculture to grow and prosper such as invaluable reserves, natural resources and raw materials.

Agriculture and Food Industries Minister (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said besides all

the elements, Malaysia also has business-friendly environment with a rapidly emerging economy, world-class infrastructure and a highly-skilled workforce.

This is cemented by our government's commitment through Malaysia's Shared Prosperity Vision 2030, as well as the National Agrofood Policy 2.0 under MAFI that has been formulated to be in line with

the 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDGs) and other national policies on climate change and biological diversity," he said in a speech when launching Sustainable Agriculture Week at Expo 2020 Dubai here yesterday.

Ronald's speech was read out by the Malaysian Ambassador to the United Arab Emirates (UAE) Datuk Mohd Tarid Sufian.

Other than that Ronald said modernisation and smart agriculture are the game-changers and they have indeed catalysed the growth of sustainable practices in Malaysia.

Ronald said the effective use and management of natural resources such as land and water in a sustainable manner in food production are critical to ensure

optimum and continuous output.

On the implementation of smart farming technology in Malaysia, Ronald said the Internet of Things (IoT) such solutions, sensors, and drones have created conducive operational conditions for farms, providing savings as well as increased convenience.

On partnering with UAE, Ronald said the country's status as a global investment hub also

opens up wide market access for Malaysia's companies looking to market their unique, halal, and innovative products.

"Meanwhile, Malaysia's thriving research and development, talented youthful workforce,

and empowerment opportunities given to agriculture workers are some of the aspects that UAE can build on to add to its strengths," he said. — Bernama



22 FEB, 2022

Malaysia, an ideal partner in sustainable agriculture

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

DUBAI: Malaysia is an ideal partner in sustainable agriculture as the country has all the elements as well as opportunities required for sustainable agriculture to grow and prosper such as invaluable reserves, natural resources and raw materials.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI bantu pekebun tembikai Bachok, Pasir Puteh



PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian Kelantan dalam proses membanci pekebun tembikai yang terjejas selepas tanaman mereka ditenggelami air berikutan hujan berterusan, baru-baru ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata difahamkan sebahagian besar daripada 400 penanam tembikai, ubi kentang dan tomato di kawasan seluas lebih 400 hektar di Bachok dan Pasir Puteh, terkesan akibat kejadian berkenaan.

"Kita anggar taksiran kerugian lebih jutaan ringgit. Sekarang masih dalam proses bancian dan kita akan cuba salurkan bantuan kewangan dan input pertanian bagi meringankan kerugian yang mereka tanggung. Bancian dibuat di bawah Tabung Bencana negara dan akan diperuntukkan segera sebaik mempunyai data tepat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Penyerahan Bakul Makanan MAFI Prihatin yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Shahril Nik Md Hashim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim dan Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Deputy Superintendan Ediansha Endal, di sini hari ini.



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kanan) menyampaikan bantuan Bakul Makanan MAFI Prihatin di Pasir Puteh, hari ini.
- NSTP/Nor Amalina Alias

Nik Muhammad Zawawi berkata, walaupun mempunyai sistem perparitan yang baik, hujan lebat menyebabkan air berlebihan tidak dapat dialirkan ke kawasan laut berdekatan dan memenuhi kawasan penanaman diusahakan pekebun terbabit.

"Ini menyebabkan rata-rata petani terpaksa menanggung kerugian modal dan hasil hampir RM2 juta. Bantuan yang akan diberikan turut mengambil kira hutang petani dengan agensi berkaitan seperti upah tenggala, baja dan sebagainya yang memerlukan modal besar," katanya.

Beliau juga memberi jaminan kerosakan tanaman tembikai itu tidak akan menjejaskan keperluan bekalan pada Ramadan dan Aidilfitri nanti kerana masih terdapat kawasan lain yang sedang diusahakan dengan hasilnya dijangka dapat dituai pada bulan berkenaan.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, pusat pengumpulan cili terbesar di daerah ini di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang bakal bertukar wajah selepas mendapat kelulusan peruntukan RM3juta semalam, yang pertama selepas 44 tahun dibina pada 1978.

"Menerusi peruntukan itu, PPK berkenaan akan membina bangunan baharu dan infrastruktur berkaitan seperti dewan. Peruntukan itu penting memandangkan PPK Bukit Awang antara yang

menjana sektor makanan negara menerusi pengeluaran cili terbesar, termasuk menjadi pembekal utama cili kepada syarikat makanan dan minuman terkemuka dunia, Nestle.

"Bangunan sekarang sangat uzur, jadi akan bina bangunan baharu yang lebih selesa kerana PPK ini mencatat keuntungan besar bagi pengeluaran cili," katanya.

Nik Zawawi berkata, kerajaan juga prihatin menyampaikan 300 bantuan Bakul Makanan MAFI Prihatin kepada petani di bawah PPK dan barisan hadapan di sekitar Pasir Puteh, membabitkan bantuan bekalan asas seperti beras, susu dan minyak masak.

"Kita juga sudah menyalurkan bantuan sama kepada 2,077 ahli Peladang di seluruh Kelantan seperti di PPK Tumpat, Rantau Panjang, Kuala Krai dan lain-lain dengan jumlah keseluruhan RM104,110.00," katanya.



Penanam tembikai, Safiah Mansor, 62, memetik buah tembikainya yang ditenggelami air di ladang miliknya di Kampung Kandis, Bachok. - NSTP/Nor Amalina Alias

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI bantu lebih 500 pengusaha tembikai ditenggelami air



Nik Muhammad Zawawi (kiri) menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin di Perkarangan Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh pada Isnin.

PASIR PUTEH - [DIKEMAS KINI] Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu lebih 500 petani di Pasir Puteh dan Bachok yang mengalami kerugian selepas tanaman tembikai diusahakan mereka musnah ditenggelami air akibat hujan lebat selama

beberapa hari pada 15 Februari lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, buat masa ini pihaknya sedang membuat taksiran kerugian sebenar dialami oleh kesemua petani terlibat yang mengusahakan tanaman itu di atas tanah berkeluasan lebih 400 hektar.

"Bachok dan Pasir Puteh merupakan pengeluar utama tembikai di negara ini. Saya juga difahamkan tembikai yang diusahakan itu dibuat dalam skala lebih besar berbanding sebelum ini sejak Covid-19," katanya selepas menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin di pekarangan Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh di sini, pada Isnin.

Seramai 300 penerima sumbangan terdiri dari golongan B40 yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu PPK Tiga Daerah; PPK Bukit Awang, PPK Semerak dan petugas barisan hadapan.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Nik Mohd Shahril Nik Md Hashim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ismail.

Menurutnya, bentuk mekanisme bantuan yang akan diberikan kepada petani tersebut sedang dikenali sama ada sumbangan kewangan dan peralatan atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, peruntukan bantuan itu dari Tabung Bencana MAFI.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, kerajaan sentiasa prihatin dalam membela nasib petani yang merupakan pembekal utama sumber makanan negara.

Sinar Harian pada 16 Febuari lalu melaporkan lebih 100 pengusaha tembikai di kawasan Kandis berputih mata apabila hasil tanaman mereka musnah selepas ditenggelami air akibat hujan lebat berterusan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI bantu 500 penanam tembikai ditenggelami air



PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu kira-kira 500 penanam tembikai di jajahan Pasir Puteh dan Bachok yang mengalami kerugian akibat tanaman mereka ditenggelami air.

Timbalan Menteri MAFI Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, petani terbabit difahamkan menanggung kerugian hampir RM2 juta akibat

tanaman mereka rosak ditenggelami air minggu lepas.

Katanya, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan diarah membuat bancian bagi mengenal pasti petani yang terjejas.

"Bantuan yang akan diberi turut mengambil kira petani yang berhutang bagi tujuan membajak tanah, membeli racun dan baja yang memerlukan modal agak besar," katanya selepas menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sini hari ini.

Turut hadir Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi (LPP) Nik Shahril Nik Md Hashim.

Dr Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, hujan lebat berterusan selama tiga hari tidak dapat dialirkan ke sungai berdekatan disebabkan paras air laut ketika itu tinggi.

Menurutnya juga pengeluaran tembikai yang dihasilkan di dua kawasan seluas 400 hektar tersebut dapat menampung keperluan tembikai di seluruh negara.

"Tembikai yang dikeluarkan petani terbabit berkualiti tinggi kerana mempunyai tanah yang subur," katanya.

Bagaimanapun katanya masalah itu tidak menjejaskan bekalan tembikar pada Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri nanti memandangkan ada kawasan lain yang tidak terjejas. – **HARAKHDAILY**
21/2/2022

22/2/2022

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN/
MELAKA

25

500 petani tembikai terjejas dibantu

Peruntukan bantuan disalurkan daripada Tabung Bencana MAFI

Oleh HAZEL EN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu lebih 500 petani di Pasir Puteh dan Bachok yang mengalami kerugian selepas tanaman tembikai ditenggelami air akibat hujan lebat selama beberapa hari pada 15 Februari lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, baki masa ini



Nik Muhammad Zawawi (di) menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin di Pejabat Agensi Paksi Petani Pasir Puteh pada Isnin.

pihaknya sedang membuat taksiran kerugian sebenar ditanggung oleh kesemua petani terbabit yang mengusahakan tanaman itu di atas tanah berkeluasan lebih 400 hektar.

"Untuk makluman semua, Bachok dan Pasir Puteh merupakan pengeluar utama tembikai di negara ini.

"Saya juga difahamkan tembikai yang dituduhkan itu dibuat dalam skala lebih besar berbanding sebelum ini sejak Covid-19," katanya selepas menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin di Pejabat Agensi Paksi Petani Pasir Puteh di sini pada Isnin.

Seramai 300 penerima

sumbangan terdiri dari golongan B40 yang merupakan ahli Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu PPK Tiga Daerah; PPK Bukit Awang, PPK Semerak dan penungas barisan hadapan.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Perubuhan Peladang (LPP), Nik Mohd Shahril Nik Md Hashim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ismail.

Menurutnya, bantukan mekanisme bantuan yang akan diberikan kepada petani tersebut sedang dikenal pasti sama ada sumbangan kewangan dan peralatan atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, peruntukan bantuan itu dari Tabung Bencana MAFI.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, kerajaan sentiasa prihatin dalam membela nasib petani yang merupakan pembekal utama sumber makanan negara.

Sinar Harian 17 Februari lalu melaporkan lebih 100 pengusah tembikai di kawasan Kandis berputih mata apabila hasil tanaman mereka musnah selepas ditenggelami air akibat hujan lebat berterusan.



Laporan Sinar Harian pada 17 Februari lalu.

Projek ikan tilapia jana pendapatan nelayan

MELAKA - Projek perintis penernakan ikan tilapia air payau di Sungai Linggi mampu memberi pendapatan tambahan kepada golongan nelayan negeri ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Saleh berkata, projek yang bermula Jun tahun lalu membabitkan kos RM400,000 menyediakan sebanyak 64 sangkar.

Menurutnya, seramai 16 peserta terpilih untuk mengusahakan projek itu yang berpotensi memberikan hasil dalam tempoh empat bulan.

"Mereka sekarang ini di peringkat untuk mengusahakan projek tersebut.

"Insya-ALLAH, awal bulan Mac ini kita akan masuk benih ikan dan dalam tempoh empat bulan boleh tua

hasil," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Pelepasan 80,000 Benih Ikan Lampiran dan Penyerahan Lesen Sampun Khas yang disempurnakan Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri, Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman di Masjid As-Sallim di Kandang, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Ayer Molek, Datuk Rahmad Marman.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya telah meminta nelayan yang mengalami kerosakan peralatan menangkap ikan akibat masalah pencemaran minyak di Tanjung Kling agar membuat laporan polis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Pekebun tembikai terjejas dinaiki air akan dibantu

Pasir Puteh: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian Kelantan dalam proses membanci pekebun tembikai yang terjejas selepas tanaman mereka ditenggelami air berikutan hujan berterusan, baru-baru ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata difahamkan sebahagian besar daripada 400 penanam tembikai, ubi kentang dan tomato di kawasan seluas lebih 400 hektar di Bachok dan Pasir Puteh, terkesan akibat kejadian berkenaan.

"Kita anggar taksiran kerugian lebih jutaan ringgit. Sekarang masih dalam proses bancia dan kita akan cuba salurkan bantuan kewangan dan input pertanian bagi meringankan kerugian yang mereka tanggung. Bancia dibuat di bawah Tabung Bencana negara dan akan diperuntukkan segera sebaik mempunyai data tepat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyerahan Bakul Makanan MAFI Prihatin yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Shahril Nik Md Hashim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim dan Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Deputy Superintendan Ediansha Endal, di sini semalam.

Nik Muhammad Zawawi berkata, walaupun mempunyai sistem perparitan yang baik, hujan lebat menyebabkan air berlebihan tidak dapat dialirkan ke kawasan laut berdekatan dan memenuhi kawasan penanaman diusahakan pekebun terbabit.

"Ini menyebabkan rata-rata petani terpaksa menanggung kerugian modal dan hasil hampir RM2 juta. Bantuan yang akan diberikan turut mengambil kira hutang petani dengan agensi berkaitan seperti upah tenggala, baja dan sebagainya yang memerlukan modal besar," katanya.

Beliau memberi jaminan kerosakan tanaman tembikai itu tidak akan menjejaskan keperluan bekalan pada Ramadan dan Aidilfitri nanti kerana masih terdapat kawasan lain yang sedang diusahakan dengan hasilnya dijangka dituai pada bulan berkenaan.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, pusat pengumpulan cili terbesar di daerah ini di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Eukit Awang bakal bertukar wajah selepas mendapat kelulusan peruntukan RM3 juta semalam, yang pertama selepas 44 tahun dibina pada 1978.

Kerajaan bantu petani tembikai rugi selepas banjir



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang, Mohd. Agil Awang (kanan) di Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh semalam.

PASIR PUTEH - Kerajaan akan membantu lebih 500 petani yang menanam tembikai di daerah ini dan Bachok dengan menyalurkan bantuan kewangan dan input pertanian selepas mereka mengalami kerugian akibat tanaman ditenggelami banjir kilat baru-baru ini.

Timpalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, sebanyak 70 peratus hasil tanaman di kawasan seluas lebih 404 hektar tidak dapat dituai selepas kejadian tersebut.

Menurutnya, Jabatan Pertanian Negeri dan juga Lembaga



KERATAN Kosmo 17 Februari 2022

Pertubuhan Peladang (LPP) kini sedang menjalankan bantian untuk proses penilaian jumlah sebenar kerugian yang dialami petani di kawasan itu.

"Kejadian itu menyebabkan kebanyakan petani tidak mendapat pulangan modal mereka malah ada yang terpaksa menanggung beban hutang apa-

bila tidak dapat mengutip hasil. "Kebanyakan petani kena tangung hutang membajak, beli baja dan racun secara kredit," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Penyerahan Bakul Makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin kepada 300 ahli peladang dan petugas barisan hadapan di pekarangan Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh di sini semalam.

Tambah Nik Muhammad Zawawi, pihaknya akan berusaha mendapatkan dana tertentu untuk meringankan beban petani menanani semula tembikai," katanya.

Perak sedia bantu program pembiakan seladang elak spesies itu pupus

IPOH - Kerajaan Perak sedia membantu usaha membiakkan seladang liar yang kini diancam kepupusan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menghalang populasi haiwan terus berkurangan.

Menurutnya, haiwan tersebut kini memang sukar ditemui di dalam hutan dan hanya boleh dilihat secara dekat di dalam zoo seperti di Zoo Taiping & Night

Safari (ZTNS).

"Kita berbincang dengan Perhilitan dan JPV bagaimana untuk menghalang populasi itu daripada terus hilang kerana haiwan ini adalah antara tarikan penting kepada pelancong."

"Walaupun usaha ini bukan mudah namun kita akan usahakan untuk berbincang bagaimana untuk melakukannya," katanya di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Saarani berkata, usaha kini perlu digerakkan



SAARANI

bagi mengenal pasti lokasi yang masih terdapat haiwan tersebut serta habitat sesuai untuk haiwan tersebut dibiakkan.

Laporan *Sinar Harian* pada Ahad menyatakan bahawa spesies lembu liar itu kini berada dalam keadaan terancam dan akan pupus sepenuhnya jika tiada usaha yang serius dilakukan untuk menyelamatkannya.

Jumlah seladang liar kini dianggarkan sekitar beberapa ratus ekor sahaja dan hanya boleh

dijumpai di kawasan utara Semenanjung Malaysia dalam beberapa kelompok kecil yang terpisah dan tidak dapat bertemu untuk membiak.

ZTNS sebelum ini juga telah menggerakkan program membiakan seladang sejak 1998 dalam usaha melindungi populasi spesies terancam itu.

Pengarahnya, Dr Kevin Lazarus berkata, program dengan kerjasama Perhilitan itu berjaya membiakkan enam ekor anak seladang.

Menurutnya, sebahagian daripada anak seladang berkenaan



Laporan *Sinar Harian* pada Ahad.

ditempatkan di beberapa zoo di negara ini di bawah program pembiakan khas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	5

Nelayan terjejas boleh tuntutan ganti rugi

Melaka: Nelayan yang mendakwa terkesan dengan pencemaran tumpahan minyak diesel kapal kargo di Kampung Hailam, Tanjung Kling di sini, boleh menuntut ganti rugi daripada syarikat perkapalan atau pihak berkuasa pelabuhan berhampiran.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Fauzi So-lehon, berkata pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Laut supaya dalang yang bertanggungjawab menyebabkan kemalangan atau ke-

rugian dalam kalangan nelayan membayar ganti rugi. "Bagaimanapun, nelayan terbabit perlu membuat laporan polis terlebih dahulu sebelum kami membawa perkara itu ke Jabatan Laut untuk tindakan selanjutnya mengikut prosedur ditetapkan.

"Kami bekerjasama rapat dengan Jabatan Laut dalam perkara ini untuk memastikan nasib nelayan yang terjejas akibat pencemaran itu dapat pembelaan," katanya

selepas menghadiri perasmian Program Pelepasan Benih Ikan di Perairan Umum dan Penyerahan Buku Lesen Sampan Khas Nelayan negeri di Sungai Duyong, Kampung Kandang di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan seramai 40 nelayan di Kampung Hailam mendakwa mendapatkan terjejas sehingga 70 peratus berpunca pencemaran tumpahan minyak diesel kapal kargo di kawasan berkenaan.

Siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (Jas) negeri di kawasan pangkalan nelayan berkenaan menemui kesan tompokan nipis atas permukaan air berwarna pelangi selain terdapat sedikit bau dipercayai minyak diesel.

Namun, tiada kesan tompokan minyak hitam dan lain-lain pencemaran termasuk penemuan bangkai hidupan laut namun Jas akan terus melakukan siasatan dari semasa ke semasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	THE STAR	VIEWS	18

Illegal fishing nets are killing turtles

THE Sustainable Malaysia Association urges the authorities to increase enforcement over the use of destructive fishing nets in the sea off the Terengganu coast. Frequent spot checks should be conducted to curb their illegal use which has become the primary threat to endangered sea turtles.

It has been reported that 83% of turtle fatalities is caused when they become trapped by these illegal nets and drown. There were 153

cases of dead turtles reported from 2019 to 2021 – this is an unacceptable number for a species that is threatened with extinction.

It is clear that illegal fishing nets form the highest contributing factor in turtle fatalities in Terengganu. The authorities have to take this matter seriously since the state's coastline is the most popular turtle nesting grounds in Malaysia, recording 25,106 turtle landings from 2016 to 2019.

Without strict and continuous enforcement, these sea turtles will soon become extinct. The authorities should also make it compulsory for fishermen to use a turtle excluder device when they fish to allow turtles that are trapped to escape.

NOR HASHIMAH ISHAK
Committee member
Sustainable Malaysia
Association

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	NST	NEWS	10

T'ganu Fisheries Dept told to step up enforcement

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Fisheries Department has been instructed to step up enforcement to curb the use of unauthorised fishing equipment as they are among the main causes of turtle deaths in the state. State Agriculture, Agro-based Industries and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said enforcement must be carried out more seriously and comprehensively so that deaths of turtles, especially from being trapped in fishermen's nets, did not recur. "In fact, I, myself had gone out to sea to join enforcement operations. The state government is very firm in this matter. Anybody who perpetrates an act which is against regulations must be punished." Since early this year, 26 cases of turtle deaths have been reported in Terengganu, mostly involving the Green sea species. **Bernama**

Terengganu serious about curbing turtle deaths

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Fisheries Department has been instructed to step up enforcement to curb the use of unauthorised fishing equipment as it is among the main causes of turtle deaths in the state.

State Agriculture, Agro-based Industries and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said enforcement must be carried out more seriously and comprehensively so that turtle deaths, especially from being trapped in fishermen's nets, are not repeated. "I have directed the Terengganu Fisheries Department to boost

enforcement. In fact, I have gone out to sea to join enforcement operations. "The state government is firm in this matter. Anybody who perpetrates an Act which is against regulations must be punished," he said yesterday.

Since early this year, 26 cases of turtle deaths have been reported in Terengganu, mostly involving the Green Sea species.

Studies conducted by the Rantau Abang Fisheries Research Institute found that 45% of turtles died after being snagged in gillnets, 38% after being trapped in trawler nets and the rest after being hit by propellers or consuming plastics.

Azman, who is also Jabatan assemblyman, said other than enforcement, programmes to boost awareness among fishermen must be held regularly.

On further actions being carried out by the state government to ensure the threatened marine animal species are protected, Azman said RM846,000 was channelled for conservation activities last year.

"Of the total, RM630,000 was from the state government while RM216,000 was from the federal government."

"This allocation encompassed the cost of management and

development, such as wages for workers, small repairs to hatcheries, gotong-royong programmes, maintenance of facilities at the sanctuary and upgrading of workers' houses at the conservation centre."

According to Azman, the state government is serious in the turtle conservation efforts and this is proven with the measure to ban the sale of turtle and terrapin eggs in the state from June 1.

He said with the numerous initiatives and increase in enforcement, it is hoped the Terengganu tourism icon can be conserved for generations. - Bernama

Selamatkan penyu Terengganu!

CAKNA
SOKMO

Oleh
Rosalinda Md. Said



SETAKAT 20 Februari lalu, sekurang-kurangnya 22 kes kematian penyu dicatatkan di Terengganu dalam tempoh hanya 49 hari, bermula 3 Januari lalu. Daripada jumlah itu, sebanyak 17 kes dikesan pada Januari manakala lima lagi dikatakan berlaku bulan ini.

Bagaimanapun, terkini saya difahamkan ada sekurang-kurangnya tambahan lima lagi penemuan bangkai reptilia marin berkenaan. Angka terkumpul itu cukup menggerunkan kerana buat pertama kali dalam sejarah Terengganu, kematian penyu secara berturut-turut direkodkan di sepanjang pesisir pantai melibatkan lima daerah dari Kemaman ke Kuala Nerus.

Lebih mengejutkan apabila sehingga dua kematian berlaku serentak dalam tempoh sehari di daerah berlainan iaitu pada 12 Januari lalu di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu diikuti keesokannya, dua lagi bangkai ditemui di Marang dan Dungun. Situasi sama berterusan pada 14 Januari dengan penemuan dua bangkai penyu agar jantan dewasa di Pantai Batu Buruk di Kuala Terengganu dan di Kuala Nerus.

Bayangkan jika purata 10 kes kematian penyu direkodkan setiap bulan hingga akhir tahun, secara keseluruhannya hampir 130 populasi penyu menyusut di Terengganu hanya dalam tempoh setahun. Besar kemungkinan jumlah itu lebih tinggi lagi daripada jangkaan saya kerana kes kematian yang dikumpulkan ketika ini adalah berdasarkan penemuan bangkai oleh orang awam termasuk nelayan, pemajak telur mahupun pengunjung.

Sedangkan tahun lalu, hanya 49 kes kematian penyu direkodkan di seluruh negeri manakala 59 kes pada 2020 dan 81 kes (2019).

Ada bangkai yang masih segar tanpa sebarang kecederaan, ada juga ditemukan dalam keadaan



JIKA purata 10 kes kematian direkodkan setiap bulan hingga akhir tahun, secara keseluruhannya hampir 130 populasi penyu menyusut di Terengganu hanya dalam tempoh setahun. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

menyayat hati termasuk kesan darah pada mulut akibat tertelan plastik, luka dan retak di pelbagai anggota kerana terkena pukuk di samping yang sudah reput. Malah, kes kematian itu turut melibatkan pelbagai kategori usia dari seawal dua tahun hingga kepada induk dewasa berumur 60 tahun ke atas.

Siasatan Jabatan Perikanan mendapati kebanyakannya maut disebabkan isu kecuaihan manusia seperti pembuangan sampah terutama plastik, penggunaan pukuk yang tidak dibenarkan, pembuangan pukuk rosak ke dalam laut dan perbuatan khianat. Malangnya, hingga kini masih tiada kajian lanjut mengenai punca sebenar kematian penyu-penyu di Terengganu dilakukan kerajaan mahu pun agensi berkaitan.

BEDAH SIASAT

Timbul persoalan, adakah kes kematian luar biasa penyu-penyu di negeri ini sebenarnya 'biasa' pada pandangan mata pihak berkuasa? Dan sampai bila kita perlu dikejutkan dengan berita kehilangan nyawa reptilia marin itu saban minggu?

Fahamilah yang penyu



Adakah kes kematian luar biasa penyu di negeri ini sebenarnya 'biasa'...?"

sememangnya sedang 'menangis' di Terengganu. Isyarat kecemasan SOS sudah diberikan dan kini masanya tindakan diambil untuk menyelamatkan haiwan yang menjadi identiti Terengganu itu daripada diancam kepupusan.

Dalam temu bual dengan *Utusan Malaysia* sebelum ini, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, Dr. Mohd. Uzair Rusli berulang kali menyarankan proses bedah siasat dilakukan ke atas setiap bangkai penyu.

Katanya, pemeriksaan luaran sahaja tidak mencukupi, sebaliknya kaedah secara saintifik perlu digerakkan segera untuk mengenal pasti punca sebenar

kematian. Menerusi bedah siasat, pakar autopsi bukan sahaja dapat mengesan punca, bahkan menganggarkan lokasi kematian haiwan terancam itu berdasarkan pemodelan lautan.

"Saya bimbang jika kematian penyu di Malaysia berpunca daripada sesuatu perkara baharu yang tidak pernah kita tahu. Jadi, bedah siasat amat penting untuk mencari jawapan sebenar dan bukan sekadar andalan sahaja.

"Sudah lama proses bedah siasat penyu tidak dilakukan dan cabaran kini adalah dari segi tenaga kerja dan kepakaran yang terhad," katanya.

Sebagai antara penyelidik penyu di negara ini, tentunya saranan beliau berasas dan perlu diambil kira oleh kerajaan bagi memastikan kelangsungan populasi penyu sekali gus mengurangkan kadar kematian yang makin berleluasa.

RANTAU ABANG

Rantau Abang di Dungun pernah mencapai zaman kegemilangannya sebagai lokasi pendaratan penyu belimbing paling popular, kira-kira 72 tahun lalu.

Destinasi itu merupakan antara enam lokasi di dunia yang dikunjungi penyu terbesar berkenaan dengan saiz mencecah dua meter panjang dan berat sehingga 600 kilogram dari Mei hingga September saban tahun.

Namun, kebanyakan pengunjung dan aktiviti mencuri telur menyebabkan subpopulasi penyu yang hanya bertelur di jajaran pantai Rantau Abang itu seolah-olah 'merajuk' dan bilangannya berkurangan hingga dianggap tidak lagi mampu menjalankan fungsi dalam ekologi seperti mengawan.

Kes 'kehilangan' penyu belimbing sepatutnya menjadi pengajaran besar buat negara dan pasti kita tidak mahu kejadian sama berulang dan menimpa spesies lain sedia ada iaitu agar dan karah.

Berdasarkan rekod, Terengganu mencatatkan pendaratan penyu tertinggi di Semenanjung selepas Sabah dan sepanjang lebih sedekad lalu bermula 2010 hingga 2020, sebanyak 62,635 sarang penyu agar direkodkan diikuti karah (260 sarang) dan belimbing (10 sarang). Bahkan, setiap tahun pelbagai program pendidikan dilaksanakan sama ada oleh jabatan dan agensi mahu pun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memupuk kesedaran orang awam terhadap pemuliharaan penyu.

Jika khazanah berharga ini terus diabaikan hingga pupus, ekosistem lautan juga akan lumpuh dan tidak seimbang lagi.

Ketika ini petisyen selamatkan penyu giat digerakkan dalam kalangan aktivis bagi menggesa kerajaan menjalankan proses bedah siasat. Sehubungan itu, carilah segera punca sebenar kematian penyu-penyu malang ini dan usah menuding jari menyalahkan nelayan atau pukuk yang menyebabkan reptilia marin berkenaan maut.

Siapa tahu mungkin berlaku pencemaran di lautan termasuk tumpahan minyak atau mungkin juga kesangkitan virus hingga mengakibatkan puluhan penyu terdampar di pesisir pantai Terengganu.

PENULIS ialah Koresponden Utusan Malaysia Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Program Jualan Keluarga Malaysia diperluas ke kawasan DUN



Seramai 1.18 juta pengunjung membanjiri 775 lokasi PJKM dengan nilai jualan lebih RM22.85 juta hingga 14 Februari lalu. - NSTP/ARKIB

PUTRAJAYA: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) kini diperluaskan meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan sambutan menggalakkan terhadap inisiatif bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat itu yang dianjurkan di kawasan Parlimen.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan hari ini, memaklumkan ia atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu rakyat pelbagai strata ekonomi di seluruh pelusuk negara turut mendapat manfaat daripada PJKM.

Menurut KPDNHEP, seramai 1.18 juta pengunjung telah membanjiri 775 lokasi PJKM dengan nilai jualan yang direkodkan melebihi RM22.85 juta hingga 14 Februari lalu.

PJKM dianjurkan setiap minggu secara serentak di kawasan Parlimen dan lokasinya berdekatan dengan golongan sasar iaitu golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan 40 peratus sederhana (M40).

Program jualan itu menawarkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga berpatutan seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Pada 2 Disember lalu, Ismail Sabri melancarkan PJKM yang diadakan di semua 222 kawasan Parlimen secara serentak dan menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus.

PJKM adalah kolaborasi di antara KPDNHEP dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta rakan strategik sektor peruncitan. Sejumlah 113 rakan strategik mengambil bahagian dalam program itu.

"Maklum balas pengguna yang diterima rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM ini dilaksanakan secara berkala dan mengakui bahawa harga barang yang dijual dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam situasi harga barang yang dilaporkan kian meningkat," menurut KPDNHEP. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Nelayan dakwa tumpahan minyak di Pelabuhan Tanjung Bruas

Buntu tangkapan kurang

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

MELAKA: Kira-kira 300 nelayan Pengkalan Tanjung Kling di sini, buntu dan bimbang apabila tangkapan ikan semakin berkurangan ekoran kesan tumpahan minyak yang didakwa daripada kapal yang berlabuh di Pelabuhan Tanjung Bruas.

Meskipun Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka menjelaskan tidak menemukan sebarang kesan minyak, ia dilihat tidak mampu menyelesaikan isu yang membelenggu nelayan terlibat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Mustapha Japar, 60, berkata, dia dan rakan-rakan terpaksa keluar lebih jauh daripada kebiasaan untuk menangkap ikan.

Katanya, ini kerana lokasi biasa kelompok nelayan melabuhkan jaring tidak lagi mendatangkan hasil sepatutnya yang dipercayai kesan daripada tumpahan minyak berkenaan.

Jelasnya, hal itu menyebabkan nelayan kecil sepertinya yang 'kais pagi makan pagi, kais petang



NELAYAN menunjukkan kesan tumpahan minyak yang terdapat pada jaring di Pengkalan Nelayan Tanjung Kling, Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

makan petang' perlu menanggung kos operasi lebih besar di samping mengambil risiko tinggi mengemudi bot jauh dari pantai.

"Biasa kalau saya turun ke laut, pendapatan boleh dapat dalam lingkungan RM100 ke RM200 sehari. Tapi selepas insiden tumpa-

han minyak, kami hanya memperoleh sekitar RM30.

"Dengan kesan minyak melekat di jaring dan peralatan menangkap ikan yang lain. Ikan pun macam manusia, mereka tidak akan duduk di kawasan yang tercemar. Jadi, kalau nak dapat pendapatan normal, kena keluar ke lokasi lebih jauh.

"Itulah nasib kami yang terganggu periuk nasi akibat masalah pihak lain," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Pengarah JAS Melaka, Rosli Osman berkata, pihaknya telah membuat pemantauan melalui darat dan udara, namun tidak menemukan sebarang kesan tumpahan minyak.

"Kita telah membuat pemantauan bersama pihak polis dan Jabatan Laut, namun tidak menemui sebarang kesan tompokan minyak hitam seperti didakwa dan tular dalam klip video," katanya.

Pambahnya, pemantauan dilakukan di beberapa pantai di kawasan terdekat iaitu di Pantai Puteri, Pantai Rombang, Pantai Kundur dan Pantai Klebang.

TARIKH	MEDIA	RUANGSIA	MUKA SURAT
22/2/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	21

Selangor buka permohonan bantuan komputer riba, tablet untuk warga tani

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor menerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian Selangor membuka permohonan bantuan tablet dan komputer riba kepada petani di negeri tersebut.

Exco Pertanian dan Infrastruktur negeri, Izham Hashim berkata, inisiatif yang dibuat menerusi Kluster

Agro Prihatin menawarkan sebanyak 100 buah komputer riba dan 50 buah tablet kepada warga tani yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah sebulan.

Menurutnya, pemohon perlu berstatus warganegara Malaysia yang menetap di Selangor melebihi 10 tahun,

terlibat secara aktif dalam aktiviti pertanian, penternakan dan industri asas tani di Selangor.

Selain itu, Izham berkata, pemohon juga perlu mempunyai ahli keluarga yang sedang menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) pada tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	33

UMT ajak graduan ceburi pertanian

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) meneruskan agenda membantu naik taraf ekonomi golongan berpendapatan rendah dan graduan yang berminat menceburi bidang pertanian.

Projek berkonsepkan pemindahan ilmu melibatkan kumpulan penyelidik UMT, berkongsi kepakaran bidang masing-masing untuk dipelajari secara *hands-on* oleh kumpulan sasar.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk

Dr. Mazlan Abd Ghaffar berkata, beberapa projek telah dirangka oleh kumpulan penyelidik UMT untuk komuniti Parit Sulong, Johor sebagai inisiatif membantu golongan sasar menambah pendapatan.

■ DATUK Seri Dr. Noraini Ahmad (dua dari kanan) menyempurnakan gimik pelancaran projek usahawan kelulut di Parit Sulong, Johor, baru-baru ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/2/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Jualan Keluarga Malaysia diperluas ke kawasan DUN

PUTRAJAYA - Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) kini diperluaskan meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), berikutan sambutan menggalakkan program itu di kawasan Parlimen.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, ia atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu rakyat pelbagai strata ekonomi di seluruh pelosok negara turut mendapat manfaat daripada PJKM.

Menurut KPDNHEP, seramai 1.18 juta pengunjung telah membanjiri 775 lokasi PJKM dengan nilai jualan yang direkodkan melebihi RM22.85 juta hingga 14 Februari lepas.

PJKM dijalankan setiap minggu secara serentak di kawasan Parlimen dan lokasinya berdekatan dengan golongan sasaran iaitu B40 dan M40.

Program jualan itu menawarkan pelbagai barangan keperluan harian de-



Pelaksanaan PJKM adalah inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat, terutamanya pengguna dalam kalangan berpendapatan rendah.

ngan harga berpatutan seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Pada 2 Disember lepas, Ismail Sabri melancarkan PJKM yang diadakan di kesemua 222 kawasan Parlimen secara serentak dan menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus.

PJKM merupakan kolaborasi antara KPDNHEP dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) serta rakan strategik sektor peruncitan. Sejumlah 113 rakan strategik mengambil bahagian dalam program PJKM itu.

“Maklum balas pengguna yang diterima rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM ini dilaksanakan secara berkala dan mengakui bahawa harga barang-barang yang dijual dapat meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dalam situasi harga barang yang dilaporkan kian meningkat,” menurut KPDNHEP. - Bernama

Harga tembikai 'banjir' jatuh 50 sen sekilogram

Oleh TOREK SULONG

utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Kejadian kebun tembikai seluas 161 hektar di Kampung Pak Makyong dan Tok Bali di sini yang digenangi banjir baru-baru ini menyebabkan harga borong buah itu jatuh merudum 50 sen sekilogram.

Harga tersebut jauh lebih rendah berbanding harga borong semasa iaitu RM1.50 sekilogram, memaksa pekebun mencari alternatif menjual sendiri tembikai kepada orang ramai di tepi jalan dengan harga RM1 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, wakil penanam, Zamri Mat Hassan, 51, berkata, mereka terpaksa menjual sendiri tembikai ditanam tanpa melalui orang tengah atau pemborong bagi mengelak kerugian lebih besar.

"Air bergenang dalam kebun selepas hujan lebat selama tiga hari dan bertembung dengan air sungai pasang besar. Akibatnya, hanya 50 peratus tembikai berjaya diselamatkan.

"Oleh kerana ia dituai serentak tidak mengikut jadual, berlaku longgokan ketika ini. Kalau jual juga kepada pemborong dengan harga 50 sen sekilogram, kami rugi lebih besar, jadi baik jual sendiri dengan harga RM1 sekilo-



ZAMRI MAT HASSAN (Kiri) menunjukkan tembikai yang terpaksa dituai awal kepada Wan Hassan Wan Ibrahim (dua dari kanan) dan Ahmad Adlee Yasin di Kampung Pak Makyong, Pasir Puteh. - UTUSAN/TOREK SULONG

gram," katanya di sini semalam. Katanya, musibah itu menyebabkan penanam gagal melunaskan hutang membajak baja dan lain-lain input pertanian diperolehi secara berhutang.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semarak,

Wan Hassan Wan Ibrahim bersama Ketua Jajahan Pasir Puteh, Ahmad Adlee Yasin meluangkan masa turun padang melawat ke kebun tembikai yang terjejas.

Ahmad Adlee berkata, pihaknya akan mendapatkan statistik dari Jabatan Pertanian sebelum

memohon bantuan khas untuk meringankan beban penanam.

Minggu lalu, akhbar ini melaporkan pekebun tembikai di sekitar daerah ini dan Bachok berdepan kerugian RM500,000 apabila kebun mereka dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat.